



REPUT...warga emas terpaksa mengangkat basikal untuk melalui jambatan uzur.

'Jambatan uzur laluan kami'

>>Oleh Mohd Zaidi Ya'acob
am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: Penduduk Kampung Solok Gajah Mati dan Kampung Solok Air Mentangor dekat sini, merayu pihak berwajib segera menggantikan jambatan rosak dan terlalu uzur di kampung mereka demi keselamatan pengguna.

Tinjauan mendapati keadaan jambatan kayu yang dibina pada 1980-an itu hampir runtuh dengan kebanyakan struktur yang menjadi laluan orang ramai sudah patah kerana kayu yang digunakan reput, sekali gus membahayakan mereka yang melaluinya.

>LIHAT MUKA 2



HATI-HATI...penduduk terpaksa meredah bahaya untuk ke pekan.

Bimbang ada masuk lubang

>DARI MUKA 1

Penduduk, Ajis Bujang, 76, berkata, ramai penduduk terutama pekerja kilang wanita sering menggunakan jambatan itu ke tempat kerja setiap hari walaupun ia sudah lama terbiar tanpa dibaiki.

"Saya bimbang ada yang terjatuh ke dalam sungai kerana kayu yang menjadi binaan untuk jambatan ini terlalu rapuh dan tidak selamat lagi untuk dilalui.

"Baru-baru ini, anak perempuan saya juga pernah tergelincir sehingga menyebabkan kakinya cedera dan terseliuh. Kami terpaksa lebih berhati-hati selepas insiden itu kerana khuatir kemalangan sama berulang," katanya.

Menurutnya, dia bukan tidak mahu menggunakan laluan alternatif ke pekan berhampiran tetapi jarak perjalanannya terlalu jauh berbanding dengan hanya menyeberangi jambatan berkenaan yang terletak berdekatan dengan kediamannya.

"Jika saya mengikut laluan jambatan untuk keluar dari kampung ini, ia hanya memakan masa 10 minit untuk

sampai berbanding kira-kira 20 minit sekiranya menggunakan laluan lain.

"Oleh itu, saya benar-benar berharap pihak berwajib membina kemudahan ini menggunakan konkrit kerana ia amat diperlukan penduduk di sini. Jika tidak, saya mohon jambatan sementara dibina sebelum ia diganti dengan yang baru," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Petai, Jafar Abdul Razak berkata, pihaknya sudah beberapa kali mengemukakan permohonan membaiki jambatan usang itu kepada agensi berkenaan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak dua tahun lalu.

"Namun, JPS memaklumkan kos pembinaan jambatan baru mencecah RM30,000 dan mereka mendakwa tidak mempunyai peruntukan mencukupi untuk berbuat demikian.

"Pihak bertanggungjawab sepatutnya mempertimbangkan keutamaan jambatan ini dibina secepat mungkin kerana ia menjadi keperluan penting kepada penduduk di kedua-dua kampung di sini," katanya.